

UMS sudah terima semua 24 pelajar program ijazahnya

KOTA KINABALU, Khamis — Universiti Malaysia Sabah (UMS), kini sudah menerima semua 24 pelajar untuk menyertai program siswazah lanjutan, kata Naib Canselornya Prof Dato' Dr Dr Abu Hassan Othman.

Katanya, daripada jumlah itu, 19 siswazah mendaftar untuk mengikuti pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah (5), membabitkan tiga bidang kursus Sains, Sains Sosial dan Pengurusan. Mereka mendaftar dengan UMS pada awal bulan ini.

Menurutnya, pengajian separuh masa itu akan menumpukan bidang kaedah penyelidikan serta penyediaan

kemahiran menulis tesis dan dijangka menamatkan semua kursus terbabit dalam jangka masa antara tiga atau empat tahun.

"Kebanyakan siswazah terbabit kini bekerja dalam pelbagai jabatan kerajaan negeri dan persekutuan. Mereka dijangka menamatkan pengajian pada 1999 dan seterusnya turut menjayakan konvekesyen UMS pada tahun itu," katanya kepada Daily Ekspres, pada majlis derma darah pelajar UMS, di Pusat Kemudahan Pelajar kampus sementara UMS, di sini, pagi tadi.

Oleh YATIM TAUBATAL ANDAM

Pada majlis itu, sebanyak 100 siswa UMS menderma darah untuk sumbangan ke Tabung Darah Hospital Queen Elizabeth, yang dianjurkan oleh Kelab Debat dan Pidato UMS. Ia bertemakan 'UMS Perihatin'.

Dengan kemasukan siswazah lanjutan itu, ia melengkapkan pengambilan pelajar 'perintis' UMS sejak Jun lalu, apabila 244 pelajar dipilih mengikuti matrikulasi di seluruh negara dan 252 siswa bagi sesi 1995/1996.

Abu Hassan berkata, semua siswazah lanjutan sudah

mendaftar itu akan mengikuti pengajian mereka di kampus sementara UMS di Likas.

"Dengan pendaftaran itu, ia bukan sahaja satu-satunya universiti di negara ini yang menganjurkan pengajian seumpamanya, tetapi yang lebih utama, turut membuka lebih banyak peluang kepada penduduk tempatan untuk mengikuti pengajian yang lebih tinggi di sini," katanya.

Mengenai kegiatan derma darah itu, beliau berkata ia dijadikan acara tahunan UMS sebagai galakan membentuk pelajar serta kakitangannya yang prihatin kepada masyarakat yang kurang bernasib baik.